

KHIDMAT TAMBAHAN BERNILAI



Bengkel Pembaikan Yang Diluluskan
Khidmat baiki kenderaan tanpa rumit dengan lebih daripada 400 bengkel yang diluluskan seluruh negara.



Peringatan SMS
Peringatan SMS untuk pembaharuan polisi dan status tuntutan.



Khidmat tuntutan tanpa rumit yang menawarkan cara paling dipercayai untuk mendapat penyelesaian segera bagi kerosakan sehingga RM10,000.*

*Tertakluk pada terma & syarat



Bantuan kerosakan di tepi jalan
24 jam oleh Kurnia Auto Assist
1 800 88 6333

Pengecualian Utama

Pengecualian utama untuk kehilangan atau/dan kerosakan terhadap kenderaan anda

1. Kerugian turutan: Apa-apa jenis kerugian langsung atau tidak langsung yang berturutan akibat daripada sebarang kejadian selain daripada yang dilindungi.
2. Kehilangan penggunaan kenderaan anda*: Apa-apa perbelanjaan atau kerugian kewangan sampingan yang ditanggung kerana tidak dapat menggunakan kenderaan anda, contohnya kos menyewa kenderaan gantian, tambang pengangkutan dan sebagainya.
3. Susut nilai atau kehilangan nilai kenderaan anda.
4. Kerosakan atau kepincangan tugas (malfungsi) peralatan: Sebarang kerosakan mekanikal, elektrik atau elektronik, kepincangan tugas peralatan atau komputer, atau apa-apa sahaja kegagalan atau kerosakan terhadap fungsi kenderaan anda.
5. Konvulsi alam semula jadi* contohnya banjir, taufan, ribut, tanah runtuh dan sebagainya.
6. Kerosakan pada tayar: Sebarang kerosakan pada tayar kenderaan anda kecuali jika bahagian-bahagian lain kenderaan anda juga turut rosak pada masa yang sama.
7. Ekses dan ekses wajib: Amaun yang harus ditanggung oleh pihak yang diinsuranskan terlebih dahulu bagi setiap tuntutan.

Pengecualian utama (untuk seluruh Polisi)

Polisi ini tidak melindungi kerugian, kerosakan atau liabiliti disebabkan oleh:

1. Anda atau pemandu dibenarkan anda memandu di bawah pengaruh minuman keras atau arak yang memabukkan, narkotik, dadah berbahaya atau dadah-dadah lain yang memudaratkan atau bahan yang memabukkan sehingga ke tahap tidak dapat mengawal kenderaan anda dengan sewajarnya.
2. Kenderaan digunakan:
 - untuk sebarang tujuan yang menyalahi undang-undang atau sebarang percubaan untuk melakukan sesuatu yang menyalahi undang-undang;
 - untuk berlatih atau untuk mengambil bahagian dalam mana-mana sukan bermotor, pertandingan (selain acara mencari harta karun), rali, perentak perlumbaan (pacemaking), ujian keandalan (reliability trial) atau kelajuan; atau
 - di mana-mana litar perlumbaan
3. Pemandu yang tidak dibenarkan.
4. Peperangan, tindakan keganasan, mogok, rusuhan atau kekacauan awam*.
5. Konvulsi alam semula jadi* contohnya banjir, taufan, ribut, tanah runtuh dan sebagainya.

Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk ke kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

*kecuali secara khusus dibeli atau dilindungi di bawah polisi ini.

Nota Penting

- Anda dinasihatkan supaya membaca dan memahami ringkasan produk ini seperti yang tertera di dalam Lampiran Pemberitahuan Produk yang boleh didapati di laman web kami www.amassurance.com.my
- Sekiranya kereta anda mengalami kemalangan, anda perlu menghantar kereta anda ke panel bengkel yang diluluskan oleh kami atau mana-mana bengkel pembaikan lain yang telah kami berikan kebenaran khas kepada anda untuk digunakan.
- Kegagalan menghantar kereta anda ke panel bengkel yang diluluskan oleh kami untuk pembaikan akan dianggap sebagai pelanggaran polisi ini dan kami boleh menolak untuk membayar tuntutan Kerosakan Sendiri.
- Kami akan memastikan terdapat bilangan panel bengkel kami yang mencukupi untuk menyediakan akses yang munasabah dan mudah kepada anda.
- Jika tiada panel bengkel pembaikan yang diluluskan di mana-mana lokasi berdekatan sekiranya berlaku kejadian, kami boleh mengikut budi bicara kami untuk memilih, sama ada membantu anda mengakses panel bengkel pembaikan kami yang berdekatan dan mengatur perkhidmatan menunda ke bengkel terpilih tersebut tanpa sebarang kos untuk anda; atau membenarkan kenderaan yang rosak dibaiki di bengkel pembaikan berdekatan yang telah diluluskan oleh Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) di bawah Skim Bengkel Kenderaan Diluluskan PIAM (PARS), sebagaimana yang ditentukan oleh kami;
- Sila rujuk ke terma dan syarat polisi untuk maklumat lanjut.

auto**365**
COMPREHENSIVE
LITE



PERLINDUNGAN MAMPU MILIK YANG MENEPATI KEPERLUAN ANDA

Ahli PIDM

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

1 800 88 6333 | amassurance.com.my

Underwritten by / Ditanggung jamin oleh:
Liberty General Insurance Berhad 197801007153 (44191-P)
Formerly known as AmGeneral Insurance Berhad /
Dahulu dikenali sebagai AmGeneral Insurance Berhad

Ditanggung jamin oleh:
Liberty General Insurance Berhad
197801007153 (44191-P)
Dahulu dikenali sebagai AmGeneral Insurance Berhad



AmAssurance



PERLINDUNGAN ASAS

- Kerugian dan/atau kerosakan pada kenderaan diinsuranskan disebabkan kemalangan, kebakaran atau kecurian
- Liabiliti kepada pihak ketiga akibat kecederaan tubuh badan, kematian atau kerosakan harta benda
- Bantuan tunda sehingga RM200 untuk Kemalangan sahaja

TAMBAHAN STANDARD

MANFAAT-MANFAAT OPSYENAL DENGAN PREMIUM TAMBAHAN
Fleksibiliti untuk menambah satu atau kesemua manfaat-manfaat opsyenal berikut

- Cermin Depan/Belakang
- Bencana Khas
- Liabiliti Penumpang
- Liabiliti terhadap Penumpang
- Pampasan untuk tempoh pembaikan yang dianggarkan (CART)

TAMBAHAN BAHARU

MANFAAT-MANFAAT OPSYENAL DENGAN PREMIUM TAMBAHAN
Fleksibiliti untuk menambah satu atau kesemua manfaat-manfaat opsyenal berikut

- Kemalangan Peribadi (Kematian Akibat Kemalangan / Hilang Upaya Kekal sehingga RM10,000)
- Pengecualian Ekses Wajib – Pemandu tidak Dinamakan / Semua Pemandu
- Bantuan tunda kerosakan sehingga 150km perjalanan ulang-alik*

*1. Perjalanan ulang-alik bermaksud perjalanan kereta tunda dari lokasi permulaannya ke tempat kejadian, kemudian menunda kenderaan anda ke bengkel pembaikan yang diluluskan mengikut permintaan anda atau pemandu dibenarkan anda atau ke tempat simpanan yang selamat, kemudian perjalanan balik kereta tunda itu ke lokasi permulaannya.

2. Jika perjalanan penundaan telah melebihi had jarak perbatuan seperti yang dinyatakan di atas, kos tambahan mestilah ditanggung oleh anda atau pemandu dibenarkan anda berdasarkan kadar pasaran semasa untuk penundaan.

auto 365
COMPREHENSIVE
LITE

MAMPU MILIK, PERLINDUNGAN FLEKSIBEL, MEMBERIKAN ANDA NILAI YANG TERBAIK

PERLINDUNGAN LEBIH BAIK



LEBIH PILIHAN

3 manfaat opsyenal baharu memberikan fleksibiliti untuk pelan insurans yang lebih berperibadi.

PERLINDUNGAN FLEKSIBEL YANG LEBIH RENDAH



LEBIH MAMPU MILIK

Penyelesaian yang lebih kos efisien di mana anda hanya bayar untuk perlindungan yang anda perlukan sahaja. Nikmati fleksibiliti dan mampu milik, memastikan anda mendapat nilai terbaik untuk wang anda.

TAMBAHAN LEBIH BAIK



LEBIH PERLINDUNGAN

Manfaat Kemalangan Peribadi memberi perlindungan lebih baik untuk pemegang polisi atau pemandu dibenarkan.

Manfaat dan Ciri-ciri Utama

Insurans anda melindungi

Kerugian atau kerosakan pada kenderaan anda disebabkan kemalangan termasuk pelanggaran, terbalik akibat kemalangan atau kerosakan daripada pelanggaran.

Kerugian atau kerosakan pada kenderaan anda disebabkan oleh kebakaran, letupan atau disambar kilat, perbuatan niat jahat, pecah masuk, pecah rumah atau kecurian.

Liabiliti kepada Pihak Ketiga akibat kematian, kecederaan tubuh badan atau kerosakan harta benda.

Perlindungan opsyenal (dengan premium tambahan)

Perlindungan untuk cermin depan/belakang, tingkap dan bumbung matahari

Liabiliti dari segi undang-undang terhadap penumpang (LLP)

Liabiliti penumpang di sisi undang-undang kerana perbuatan cuai (LLOP)

Perlindungan tambahan bencana khas seperti banjir, tanah runtuh dan sebagainya

Pampasan untuk tempoh pembaikan yang dianggarkan (CART)

Mogok, rusuhan dan kekecohan awam

Pengecualian untuk penambahbaikan

Kereta sewaan persendirian (e-hailing)

Kemalangan peribadi untuk pihak yang diinsuranskan/pemegang polisi/pemandu dibenarkan sehingga RM10,000

Bantuan tunda kerosakan sehingga 150km setiap perjalanan ulang-alik

Pengecualian ekses wajib untuk pemandu tidak dinamakan / semua pemandu



PILIHAN PELAN ASAS HINGGA MENYELURUH,
ANDA MENENTUKAN PERLINDUNGAN YANG SESUAI UNTUK ANDA.